

SUHAKAM TEKAN KEPENTINGAN PELAKSANAAN PERINTAH MAHKAMAH
DALAM KES INDIRA GANDHI

KUALA LUMPUR (25 NOVEMBER 2025) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menzahirkan kebimbangan terhadap kes melibatkan M. Indira Gandhi dan anaknya Prasana Diksa yang masih lagi berpanjangan. SUHAKAM menggesa Ketua Polis Negara (KPN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mematuhi sepenuhnya perintah mahkamah serta memperhebat pencarian dan tidak lagi menangguhkan usaha bagi mengesan kanak-kanak tersebut.

SUHAKAM menegaskan bahawa setiap perintah mahkamah wajib dilaksanakan tanpa pengecualian. Mahkamah Tinggi telah mengarahkan KPN untuk mengesan Prasana Diksa dan menyerahkan beliau kepada ibunya. Kegagalan atau kelewatan melaksanakan arahan mahkamah merupakan pelanggaran serius yang menjejaskan kedaulatan undang-undang, menggugat proses keadilan dan menghakis keyakinan awam terhadap institusi penguatkuasaan.

Sebagai peneraju pasukan polis negara, KPN memikul tanggungjawab besar untuk memastikan PDRM melaksanakan mandat mahkamah. PDRM mempunyai kuasa, keupayaan dan sumber siasatan yang mencukupi untuk mengesan individu serta melaksanakan perintah berkenaan. SUHAKAM menggesa KPN untuk memberi keutamaan kepada kes ini dengan penuh akauntabiliti dan tahap profesionalisme, serta memastikan segala sumber digunakan sebaiknya bagi mengesan dan membawa pulang kanak-kanak tersebut dengan selamat.

Hak dan kepentingan terbaik kanak-kanak mesti menjadi pertimbangan utama dalam setiap tindakan yang diambil. Penyerahan Prasana kepada ibunya adalah kewajipan undang-undang dan amat penting bagi kesejahteraan emosi, psikologi serta perkembangan kanak-kanak. SUHAKAM menegaskan bahawa semua langkah yang wajar perlu diambil untuk menjamin keselamatan dan maruah kanak-kanak.

SUHAKAM turut menggesa PDRM dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk memberikan maklumat dan perkembangan terkini secara berkala kepada Indira Gandhi, pasukan peguamnya dan orang awam mengenai status pencarian. Sikap berdiam diri dan komunikasi yang tidak jelas hanya menambah tekanan serta menjejaskan kepercayaan awam. Sekiranya terdapat cabaran ketika operasi atau sebarang isu perundangan dalam pelaksanaan perintah mahkamah, SUHAKAM menuntut penjelasan yang jelas dan kerjasama penuh antara semua agensi berkaitan bagi mengatasinya.

SUHAKAM mengakui penderitaan yang ditanggung Indira Gandhi sejak 16 tahun lalu dan kami berpandangan bahawa perarakan ke Bukit Aman baru-baru ini bukan sahaja menggambarkan penderitaan, namun ketabahan untuk mendapatkan keadilan. SUHAKAM amat kecewa dengan kegagalan KPN untuk menerima patung beruang simbolik yang ingin diserahkan oleh Indira Gandhi, ibu kepada Prasana, kanak-kanak yang telah diculik. Tindakan tersebut memberi pandangan negatif terhadap komitmen KPN dalam menguatkuasakan perintah mahkamah dan dalam tindakan yang betul dari segi moral dan undang-undang. Sebagai pelindung masyarakat, KPN mempunyai kewajipan untuk menegakkan kedaulatan undang-undang. Institusi penguatkuasaan undang-undang harus menggunakan pendekatan kemanusiaan yang diperlukan dalam kes ini di samping menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab. Oleh yang demikian, SUHAKAM menyeru KPN menghormati perintah mahkamah dengan segera dan menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk menegakkan undang-undang. Melaksanakan keputusan mahkamah bukan hanya sekadar prosedur, ia adalah obligasi hak asasi manusia dan teras yang amat penting kepada tadbir urus yang berdemokrasi.

SUHAKAM seterusnya menyeru sokongan berterusan daripada orang awam, masyarakat sivil dan semua pihak berkepentingan. Kerjasama yang efektif antara institusi kehakiman, penguatkuasa undang-undang dan agensi sokongan sosial amat diperlukan untuk memastikan kes kanak-kanak hilang dapat diselesaikan dengan segera, telus dan selaras dengan kedaulatan undang-undang.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
Tarikh: 25 November 2025